



05 SEP, 2024

JKDM SABAH RAM PAS 20KG SYABU

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 2

JKDM SABAH RAMPAS 20KG SYABU

Rampasan
dibuat di sebuah
syarikat kargo udara,
manakala nilai dadah
RM649,440

Oleh Vivi Olviana Najurus

KOTA KINABALU:
Jabatan Kastam Diraja
Malaysia (JKDM) Sabah
berjaya merampas 20.3
kilogram dadah jenis
Methamphetamine dalam
satu operasi di sebuah
syarikat kargo udara di sini
30 Ogos lalu.

Penolong Ketua Pengarah
Kastam Sabah, Siti Mang,
berkata rampasan dadah
bernilai RM649,440 itu
dilakukan hasil maklumat
daripada pegawai Kastam
Kargo Udara, Pasukan
Cawangan Narkotik Zon
Sabah selepas mengesan
satu bungkusan disyaki
mengandungi dadah.

"Hasil pemeriksaan
terhadap bungkusan itu
terdapat 20 bungkusan
plastik kuning keemasan
disyaki mengandungi dadah
berbahaya.

"Pemeriksaan lanjut



RAMPAS: Siti dan pegawainya menunjukkan rampasan dadah semasa sidang media di sini semalam.

bagi 20 bungkusan
itu menemukan
sejumlah dadah jenis
Methamphetamine dengan
berat kasar 20,295 gram
dianggarkan bernilai
RM649,440.

"Kesemua dadah itu

dibungkus menggunakan
plastik berwarna kuning
keemasan jenama
Guanyingwang, dipercayai
untuk mengelirukan pihak
berkuasa," katanya dalam
sidang media di Menara
Kastam Sabah, semalam.

Beliau berkata modus
operandi (MO) bagi kes
ini adalah menggunakan
bungkusan plastik
berwarna kuning keemasan
jenama Guanyingwang,
yang diseludup masuk ke
dalam negara melalui kargo

udara.

"Kes sedang disiasat
mengikut Seksyen 39B
Akta Dadah Berbahaya
1952 yang boleh dihukum
mandatori atau penjara
seumur hidup sekiranya
sabit kesalahan.

"Kita juga sedang
menjalankan siasatan lanjut
untuk mengesan sebarang
rangkaian sindiket yang
lebih besar dan memastikan
tindakan undang-undang
diambil terhadap pihak
terlibat.

"Kita meminta orang
ramai membantu JKDM
membanteras jenayah
penyeludupan khususnya
rokok, minuman
keras, merkuri, dadah,
kenderaan dan lain-lain
serta dinasihatkan tidak
membabitkan diri dengan
aktiviti ini," katanya.

Tambahnya,
penyeludupan bukan sahaja
merugikan negara dari segi
keputusan, malah turut
mendatangkan ancaman
keselamatan negara dan
kesejahteraan rakyat.

"Beri kerjasama dengan
menyalurkan maklumat
berkaitan sebarang aktiviti
penyeludupan dengan
menghubungi Talian Bebas
Tol Kastam 1-800-88-8855
atau Pejabat Kastam yang
terdekat di semua negeri.

"Pihak JKDM juga
memberi jaminan bahawa
identiti pemberi maklumat
adalah dirahsiakan,"
katanya.



05 SEP, 2024

JKDM SABAH RAM PAS 20KG SYABU

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



SUMMARIES

O Rampasari dibuatdi sebuah syarikat kargo udara, manakala nilai dadah RM649,440

KOTA KINABALU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia QKDM) Sabah berjaya merampas 20.3 kilogram dadah jenis Methamphetamine dalam satu operasi di sebuah syarikat kargo udara di sini 30 Ogos lalu. Penolong Ketua Pengarah Kastam Sabah,Siti Mang, berkata rampasan dadah bernilai RM649,440 itu dilakukan hasil maklumat daripada pegawai Kastam Kargo Udara, Pasukan Cawangan Narkotik Zon Sabah selepas mengesan satu bungkusan disyaki mengandungi dadah.